

UMS, DQS Certification meterai hasrat kerjasama pacu pemajuan agenda ESG

UB 14.06.2024 P.06

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) memeterai hasrat kerjasama bersama DQS Certification (M) Sdn Bhd bagi memacu agenda Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) kepada usahawan di negeri ini.

Hasrat kerjasama tersebut dimeterai dalam satu majlis menandatangani Surat Niat (LoI) antara kedua-dua pihak yang berlangsung di FPEP, UMS.

UMS diwakili oleh Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Mohd. Rahimie Abd. Karim menandatangani LoI tersebut, manakala DQS diwakili oleh Pengarah Urusan, Danny Ng Kim Yau.

Turut menyaksikan acara tersebut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor dan Pengurus Besar DQS, Soong Keng Vee.

Terdahulu, Kasim dalam ucapannya berkata, UMS sentiasa bersedia untuk keluar dari zon selesa, bersifat inovatif dari segi kaedah pengajaran, melaksanakan penyelidikan dan membangunkan bakat terbaik.

"Antara agenda pembangunan yang kritikal dan difokuskan adalah berkait



METERAI: Rahimie (dua kiri) dan Danny (dua kanan) bertukar dokumen LoI sempena majlis itu.

amalan berteraskan ESG yang merupakan mantera global yang menyokong kepada keupayaan kelestarian.

"ESG yang diterima pakai seluruh dunia mencerminkan aspirasi kelestarian organisasi yang mengambil kira impak alam sekitar, sosial dan tadbir urus dalam setiap operasi organisasi, syarikat atau badan swasta.

"Kepatuhan kepada amalan terbaik ESG adalah sebahagian daripada keperluan yang digariskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG)," katanya.

Terdahulu, Rahimie me-

maklumkan, kerjasama antara FPEP UMS dan DQS itu antara lain membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam persijilan berkaitan inisiatif ESG.

"Kerjasama ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan PMKS di Sabah dalam memenuhi keperluan persijilan ESG yang merupakan satu bentuk keperluan yang perlu dipenuhi oleh PMKS pada masa hadapan," katanya.

Pada majlis tersebut turut berlangsung acara penyampaian sumbangan berjumlah RM50,000 daripada DQS kepada Unit Penyelidikan Dan Pembangunan Keusa-

hawanan FPEP.

Hadir sama Presiden, SME Association of Sabah merangkap Ahli Sabah Economic Advisory Council (SEAC), Prof. Datuk Foo Ngee Kee; Pengarah Eksekutif Borneo MA Smart Vendors Sdn Bhd, Datuk Jalumin Bayogoh; Penggerusi Federation of Malaysia Manufactures Sabah Representative Office (FMM Sabah), James Ha Haw Yew; Ketua Pegawai Eksekutif Saytech General Inspection Services Sdn Bhd, Granda Aing; dan Pengarah Kolej Komuniti Tawau, Ts. Md. Syadiqin Awg Adi @ Jumaat.